



PROGRAM PEMANTAPAN PRESTASI TINGKATAN 5

TAHUN 2017

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)

MODUL 1

TASAWWUR ISLAM

KERTAS 2

(5226/2)

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya
3. Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab
4. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

Modul ini ini mengandungi **5** halaman bercetak

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1** (a) Orang yang tidak beriman dengan tauhid Uluhiyyah menjadi sesat.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Uluhiyyah ? [2 markah]
 - (ii) Berikan **dua** perbezaan antara orang yang beragama dengan orang yang tidak beragama. [4 markah]
- (b) Alam terbahagi kepada dua bahagian iaitu alam ghaib dan alam musyahadah.
- (i) Nyatakan **empat** contoh alam ghaib. [4 markah]
 - (ii) Terangkan **tiga** hikmah Allah SWT. merahsiakan alam ghaib daripada penglihatan manusia. [6 markah]
- (c) Masyarakat kini mudah terpengaruh dengan fahaman anti hadis. [4 markah]
Pada pandangan anda, apakah implikasi yang akan berlaku sekiranya masalah ini tidak dibendung.
- 2** (a) Waqi'iyah bermaksud realiti.
- (i) Nyatakan **dua** prinsip waqi'iyah. [4 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** bukti yang menunjukkan waqi'iyah dalam ibadat. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** contoh konsep murunah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kebaikan sifat murunah yang terdapat dalam Islam. [4 markah]
- (c) (i) Berikan pengertian thabat. [2 markah]
- (ii) Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama. Bagaimanakah konsep waqi'iyah dapat diaplikasikan dalam bidang sosial. [4 markah]

- 3 (a) (i) Senaraikan **empat** elemen penting dalam pembentukan negara Islam. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab khalifah dalam Islam. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** etika kehakiman Islam. [2 markah]
- (iii) Senaraikan **dua** ciri rakyat yang bertanggungjawab. [2 markah]
- (c) Remaja adalah aset penting sesebuah negara. Namun begitu sebilangan besar remaja hari ini terlibat dengan gejala sosial. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku. Bincangkan. [4markah]
- 4 (a) Harta adalah amanah Allah SWT. yang mesti diuruskan dengan sempurna .
- (i) Terangkan **dua** cara menguruskan harta secara Islam . [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab Islam menggalakkan umatnya mencari harta [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **empat** sumber harta yang diperolehi secara haram. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan memperoleh harta secara haram terhadap individu. [4 markah]
- (c) Islam mengharamkan riba. Namun begitu terdapat sistem perbankan yang masih mengamalkan riba dalam urusanniaga mereka. Sebagai pelanggan, bagaimanakah anda mengatasi masalah ini ? Bincangkan . [4 markah]

- 5 (a) Perundangan Islam diturunkan oleh Allah SWT. sebagai asas untuk panduan umat Islam .
Jelaskan **dua** keistimewaan perundangan Islam. [4 markah]
- (b) Al-Quran dan al-hadis merupakan rujukan utama perundangan Islam. Terangkan **dua** sebab al-Quran dan al-hadis merupakan rujukan utama perundangan Islam. [4 markah]
- (c) (i) Apakah maksud hukum haram ? [2 markah]
(ii) Senaraikan **dua** contoh hukum haram ? [2 markah]
- (d) Ibadat yang berkualiti akan melahirkan individu yang berakhlak mulia. Jelaskan **dua** cara untuk meningkatkan kualiti dalam ibadat . [4 markah]
- (e) Bagi memastikan keturunan manusia tidak di cemari , beberapa peraturan telah ditetapkan oleh syariat Islam.
Terangkan **dua** peraturan untuk menyelamatkan keturunan manusia dari dicerobohi . [4 markah]
- 6 (a) Islam telah menggariskan beberapa cara dalam menyelesaikan pelbagai masalah dalam kehidupan .
(i) Huraikan **dua** langkah menyelesaikan masalah menurut Islam [4 markah]
(ii) Berdoa adalah antara amalan yang dapat menyelesaikan masalah .Senaraikan **empat** adab berdoa mengikut pandangan Islam. [4 markah]
- (b) Jelaskan **tiga** matlamat penyelesaian masalah terhadap masyarakat menurut Islam . [6 markah]
- (c) Tingkah laku tidak menghormati guru masih lagi berlaku di sekolah. Huraikan **tiga** cara yang boleh anda lakukan untuk membantu menangani masalah tersebut. [6 markah]

- 7 (a) ‘Jati diri ummah bermaksud memiliki daya kreativiti dalam memantapkan kehidupan berwawasan’.

Terangkan **tiga** cara mewujudkan jati diri .

[6 markah]

- (b) Nyatakan **dua** kepentingan semangat juang dalam kehidupan seseorang bagi melahirkan muslim yang berakhlak dan beriman.

[4 markah]

- (c) Perpecahan dan persengketaan di kalangan masyarakat semakin parah pada masa kini .

Jelaskan **tiga** punca berlakunya masalah perpecahan dan persengketaan di kalangan masyarakat kini ?

[6 markah]

- (d) Penyelesaian masalah secara Islam dan konvensional mempunyai perbezaan yang ketara .

Terangkan **dua** perbezaan antara penyelesaian masalah menurut Islam dan konvensional .

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT